

Lawatan rasmi PM ke Vietnam

Usaha kerjasama dua hala dipertingkatkan

Pertukaran dokumen ditangani 2 pemimpin

Hanoi: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan rakan sejawatnya dari Vietnam, Pham Minh Chinh menjadi saksi kepada usaha meningkatkan kerjasama dua hala dalam latihan diplomatik, aktiviti perundangan, perburuhan dan pertukaran berita antara dua negara, semalam.

Kedua-dua pemimpin menyaksikan pertukaran dokumen berkaitan yang ditandatangani sebelum ini, dalam majlis khas di Pejabat Kerajaan di sini.

Pada majlis itu, Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah bertukar dokumen surat niat berhubung kerjasama dalam latihan diplomatik dengan rakan sejawatnya dari Vietnam, Bui Thanh Son, manakala kerjasama perburuhan, pengambilan dan penghantaran pulang pekerja membabitkan pertukaran dokumen dengan menteri negara itu, Dao Ngoc Dung.

Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun saling bertukar dokumen berkaitan aktiviti kerjasama perundangan dengan Menteri Keadilan Vietnam, Le Thanh Long,

Ketua Pengarang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Khairdzir Md Yunus dan Pengarah Besar Agensi Berita Vietnam (VNA), Vu Viet Trang pula turut bertukar dokumen perjanjian kerjasama profesional berkaitan pertukaran berita, gambar, kepakaran



Ismail Sabri diiringi Chinh memeriksa barisan kawalan kehormatan pada Majlis Sambutan Rasmi Lawatan Perdana Menteri di pekarangan Istana Presiden di Hanoi, semalam.

(Foto BERNAMA)

teknikal dan latihan ke dalam program kerjasama mereka.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin dan delegasi dari kedua-dua negara berbingcang mengenai pelbagai kerjasama, antaranya dalam bidang ekonomi dan perdagangan, isu serantau dan antarabangsa, bagi meningkatkan perhubungan dua hala.

Perdana Menteri menggunakan sepenuhnya bahasa kebangsaan sepanjang mesyuarat berlangsung hampir dua jam itu yang kemudiannya diterjemah ke dalam bahasa Inggeris.

Selepas itu, kedua-dua-dua pemimpin bersama delegasi, menghadiri majlis makan tengah hari rasmi dihoskan Chinh di bangunan Pejabat Kerajaan.

Pagi semalam, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Vietnam, disambut dengan hamparan permaidani merah dan diberikan sambutan rasmi sebaik tiba di pekarangan Istana Presiden di sini dan ketibaan beliau disambut oleh Chinh.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri mengadakan perjumpa-

an dengan Presiden Vietnam, Nguyen Xuan Phuc, diikuti perjumpaan dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong dan kemudiannya bertemu Pengerusi Dewan Rakyat, Vuong Dinh Hue.

Kunjungan sulung Perdana Menteri ke Vietnam ini atas undangan Chinh.

Ismail Sabri yang tiba kelmarin dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi ini selepas mengadakan persidangan media dengan media Malaysia.

BERNAMA